

**ANP**

ISSN: 2773-482X eISSN: 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v1i1.6.2020>

Perspektif Majikan Terhadap Keupayaan Pelajar Dalam Menunjukkan Kemahiran Komunikasi Secara Berkesan Dalam Persekitaran Kerja Global

Suzan, Impak^{1*} & Hazriesyam Amir, Mustapha²

¹Politeknik Kota Kinabalu, No 4, KKIP, 86400 Kota Kinabalu, Malaysia

²Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, 25350 Kuantan Pahang, Malaysia

*Corresponding email: suzanhub@gmail.com

Diterima 04 Disember 2020; Diluluskan 16 Disember 2020; Tersedia dalam talian 31 Disember 2020

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan persepsi majikan terhadap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran komunikasi secara berkesan dalam persekitaran kerja global. Antara aspek yang menjadi fokus di dalam kajian ini ialah keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin, keupayaan pelajar menjawab soalan yang diajukan, keupayaan pelajar untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan keupayaan pelajar untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza. Responden kajian terdiri dari pelajar semester 5 yang sedang menjalani latihan industri. Dapatan kajian mendapati nilai skor markah bagi keupayaan untuk menyatakan idea dengan yakin adalah Tinggi dengan nilai skor markah sebanyak M=4.14. Sementara itu, bagi aspek keupayaan menjawab soalan yang diajukan, nilai skor markah ialah M=4.08 yang juga membawa maksud Tinggi, aspek keupayaan menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan juga menunjukkan nilai skor markah yang tinggi iaitu 3.97 dan keupayaan untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza juga menunjukkan nilai skor markah yang tinggi iaitu sebanyak 3.84. Purata nilai skor markah bagi keempat-empat item ini ialah 4.01. Berdasarkan nilai skor yang tinggi ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa majoriti majikan berpuashati dengan prestasi pelajar yang menjalani latihan industri di firma mereka. Ini bermakna, pelajar berkeupayaan untuk menyatakan idea dengan yakin, berkeupayaan menjawab soalan yang diajukan, berkeupayaan menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan berkeupayaan untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza. Pengkaji berharap agar dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) Politeknik Kota Kinabalu, pensyarah dan pelajar khususnya.

Kata Kunci: Keupayaan Pelajar, Kemahiran Komunikasi, Persekitaran Kerja Global

1. Pengenalan

Dalam dunia yang kian global tanpa sempadan dan jurang masa, graduan harus berani mengorak langkah dan menyusun strategi untuk terus bersaing di persada pasaran dunia. Dalam suasana global yang kompetitif, graduan harus mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri agar sentiasa relevan dengan kehendak dunia masa kini.

Di Malaysia, dalam melahirkan modal insan yang berketrampilan dan berkemahiran, aspek latihan amatlah kritikal. Dalam usaha memastikan graduan berkualiti, aspek latihan perlu diberi keutamaan. Selaras dengan hasrat ini, pendidikan tertiar menawarkan program Latihan Industri (LI) kepada para pelajarnya sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan sebenar (Li, Ee & Muhamad, 2011). Langkah ini dilihat sebagai pendekatan terbaik dalam mengasah kemahiran pelajar bukan sahaja dari aspek teknikal tetapi juga kemahiran dari aspek komunikasi (Gonzales, 2020).

Menurut Osman (2008), komunikasi ialah proses penyampaian atau perpindahan mesej daripada seorang kepada yang lain. Komunikasi juga merupakan proses untuk mewujudkan kefahaman orang lain mengenai mesej yang disampaikan dan kedua-duanya mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama. Sementara itu, Abdullah & Abd Aziz (2009) menghuraikan bahawa dari aspek perhubungan sesama manusia, komunikasi memainkan peranan yang sangat penting. Cara berhubung, cara bercakap dan tingkah laku seseorang dapat menentukan tahap, nilai dan kesan perhubungan baik ataupun buruk dengan individu lain. Rogers (1969) juga menjelaskan perkara yang hampir sama iaitu komunikasi ditakrifkan sebagai satu proses apabila terdapat dua pihak bertemu dan berkongsi pandangan di antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai matlamat kesefahaman. Dengan adanya komunikasi yang berkesan, sesuatu maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan mudah difahami oleh pendengar (Husain et al., 2013). Melihat implikasi

komunikasi dalam kehidupan dan hubungan sesama manusia, maka adalah wajar kemahiran ini diasah agar kepincangan dalam berkomunikasi dapat dielakkan (Mangkau, 2012).

1.1. Latar Belakang Kajian

Program latihan industri dilihat dapat membantu meningkatkan kredibiliti pelajar untuk menjadi pekerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang (Yusof & Mohiddin, 2018). Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mendapatkan perspektif majikan terhadap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran komunikasi secara berkesan semasa menjalani latihan industri (Martin, 2019). Aspek yang menjadi fokus di dalam kajian ini ialah keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin, keupayaan pelajar menjawab soalan yang diajukan, keupayaan pelajar untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan keupayaan pelajar untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza.

1.2 Objektif

Berdasarkan tujuan kajian, objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin.
- Mengenalpasti keupayaan pelajar menjawab soalan yang diajukan.
- Mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan.
- Mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian ini adalah untuk mengetahui:

- Adakah pelajar berupaya untuk menyatakan idea dengan yakin?
- Adakah pelajar berupaya menjawab soalan yang diajukan?
- Adakah pelajar berupaya untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan?
- Adakah pelajar berupaya untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza?

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri di firma yang telah dipilih. Tempoh Latihan industri adalah selama satu semester iaitu empat bulan sahaja. Oleh itu, penilaian ini adalah berdasarkan perspektif majikan sepanjang tempoh pelajar menjalani latihan industri di firma mereka. Terdapat banyak faktor yang boleh dikaji namun, kajian ini hanya fokus kepada empat faktor sahaja iaitu keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin, keupayaan pelajar menjawab soalan yang diajukan, keupayaan pelajar untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan keupayaan pelajar untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza.

1.5 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini membekalkan maklumat yang berguna kepada Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) Politeknik Kota Kinabalu. Melalui hasil dapatan ini, pihak UPLI dapat memperolehi gambaran tentang keupayaan pelajar Politeknik Kota Kinabalu yang berada di lapangan menurut perspektif majikan. Dalam masa yang sama, hubungan baik dengan firma dapat diteruskan untuk menambahbaik kaedah pelaksanaan dalam pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Kota Kinabalu. Kenyataan ini turut disokong oleh Gardner (1999); Beck & Kosnick (2002) yang menyatakan penggunaan kaedah ini dapat memberi maklum balas yang berguna kepada institusi untuk tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran. Diharapkan agar hubungan baik ini dapat memberi laluan kepada para pelajar untuk bekerja di firma yang sama selepas tamat latihan kelak.

Dapatan kajian sangat berguna kepada para pensyarah dalam mengenalpasti aspek yang lemah. Aspek yang lemah ini akan diambil berat untuk ditingkatkan agar kemahiran ini tidak lagi menjadi kelemahan bagi pelajar. Pendekatan Pengajaran yang tepat dan bersesuaian juga boleh dirancang untuk meningkatkan kemahiran pelajar.

Maklumbalas yang diperolehi dari kajian ini dapat memberi panduan kepada para pelajar mengenai aspek yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan. Maklumbalas ini juga penting sebagai persediaan untuk menyiapkan diri apabila berada di alam pekerjaan sebenar.

2. Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi diambil dalam kalangan pelajar program DKA di firma tempat pelajar menjalani latihan industri. Firma yang dipilih ialah firma di mana pelajar jabatan kejuruteraan awam menjalani latihan industri. Pelajar yang terlibat adalah dari program Diploma Kejuruteraan Awam iaitu seramai 139 orang pelajar yang melibatkan sebanyak 79 buah firma.

Pelajar-pelajar tersebut adalah merupakan pelajar ambilan Jun 2016. Pengkaji mengandaikan, sekiranya terdapat lebih dari seorang pelajar yang menjalani latihan industri di tempat yang sama, pelajar-pelajar ini akan dikelompokkan menjadi satu firma latihan sahaja.

Dalam kajian ini penyelidik menghubungi kesemua firma yang berdaftar untuk latihan industri pelajar dan mendedarkan borang soal selidik menggunakan *google form*. Borang ini diisi oleh majikan atau penyelia yang menyelia pelajar praktikal. Dari 79 buah firma yang dihubungi, hanya 40 buah firma sahaja yang memberi maklum balas. Hanya seorang responden bagi setiap firma iaitu penyelia yang bertanggungjawab menyelia pelajar praktikal sahaja yang menjawab soalan yang dikemukakan. Oleh itu dapatan kajian ini hanya berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima dari 40 buah firma itu sahaja bersamaan dengan 40 orang responden.

Soalan yang diusulkan di dalam borang soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah mengenai demografi firma dan bahagian B adalah mengenai tahap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran praktikal secara berkesan dalam persekitaran kerja global. Bagi soalan di dalam bahagian B, soalan adalah difokuskan kepada empat perkara sahaja iaitu mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin, mengenalpasti keupayaan pelajar menjawab soalan yang diajukan, mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza.

3. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan dapatan yang diperolehi. Bagi aspek mengenalpasti keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin, nilai skor markah yang diperolehi ialah sebanyak 4.14. Sementara itu, bagi aspek keupayaan menjawab soalan yang diajukan, nilai skor markah ialah 4.08, aspek keupayaan menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan juga menunjukkan nilai skor markah yang Tinggi iaitu 3.97 dan keupayaan untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza juga menunjukkan nilai skor markah yang tinggi iaitu sebanyak 3.84. Purata nilai skor markah bagi keempat-empat item ini ialah 4.01.

Jadual 1: Keupayaan Pelajar Dalam Menunjukkan Kemahiran Komunikasi Secara Berkesan Dalam Persekitaran Kerja Global

Item	Sub Item	Penerangan	Nilai Skor	Tafsiran Skor	Purata
Kemahiran Komunikasi	1	Keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin	4.14	Tinggi	4.01
	2	Keupayaan menjawab soalan yang diajukan	4.08	Tinggi	
	3	Keupayaan menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan	3.97	Tinggi	
	4	Keupayaan untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza	3.84		

Petunjuk Skor:

1.00-1.80 = Sangat Rendah

1.81-2.60 = Rendah

2.61-3.40 = Sederhana

3.41-4.20 = Tinggi

4.21-5.00 = Sangat Tinggi

Sub konstruk kemahiran komunikasi diukur menggunakan 4 item bagi mengenalpasti kemahiran-kemahiran untuk berkomunikasi secara berkesan. Hasil analisis menunjukkan item 1 “keupayaan pelajar untuk menyatakan idea dengan yakin” menunjukkan nilai skor min tertinggi berbanding aspek keupayaan yang lain. Pernyataan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Ismail (2012) yang menyatakan keupayaan pelajar memberikan pandangan dengan penuh keyakinan memberi gambaran yang baik kepada majikan. Ini bermakna pelajar LI tersebut berjaya memberikan maklumat dan menambat hati majikan

Selain itu, pernyataan ini juga bertepatan dengan pendapat Dazali & Awang (2016) bahawa kejayaan sesuatu komunikasi bergantung kepada bagaimana penghantar mesej itu berjaya untuk mempengaruhi tingkahlaku sedia ada penerima. Apabila pelajar berjaya meyakinkan majikan seperti memberi buah fikiran yang bernas, secara tidak langsung ini menunjukkan pelajar tersebut berupaya berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini menunjukkan komunikasi telah berlaku secara berkesan. Keupayaan pelajar menyampaikan maklumat sudah tentu membersi perspektif positif kepada diri mereka. Berjaya disampaikan dengan baik dan lengkap (Othman, 2017).

Dapatan juga menunjukkan pelajar LI berupaya menjawab soalan berada pada tahap yang tinggi. Item ini juga mengesahkan bahawa dengan keupayaan pelajar menjawab soalan yang dikemukakan turut memberi perspektif positif kepada majikan. Selaras dengan kajian oleh Ngadiman & Jamaluddin (2018) terhadap pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga mendapati banyak kemahiran-kemahiran yang perlu dipertingkatkan agar pelajar yang mantap

dan berkualiti akan dapat dihasilkan. Antara kemahiran yang dikenal pasti adalah kemahiran berkomunikasi dalam aspek kemahiran menjawab soalan. Selain itu, berdasarkan kajian yang pernah dilakukan oleh Dzia-Uddin (2020) terhadap para pelajar di salah sebuah IPTA di Malaysia mendapati, melalui penerapan kemahiran komunikasi yang seiring dengan peredaran semasa dan berjaya menguasainya dengan baik ia akan menyumbang kepada keupayaan memimpin, mendorong, berunding, meleraikan konflik, menyelesaikan masalah serta mewujudkan satu perhubungan yang sihat.

Berdasarkan dapatan kajian ini, min skor tahap kemahiran komunikasi dari aspek keupayaan pelajar menghasilkan laporan mengikut standard yang ditetapkan turut berada pada tahap skor min yang tinggi. Ini menunjukkan pelajar berupaya menghasilkan laporan pada standard yang ditetapkan. Hal ini membuktikan mereka mempunyai usaha untuk lebih menonjolkan diri bahawa mereka berupaya melaksanakan tugas dengan sempurna. Secara keseluruhannya semua pelajar LI juga tanpa mengira jantina menunjukkan tahap keyakinan komunikasi yang tinggi dari aspek menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak ramai. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Ahmad & Majid (2018) menunjukkan pelajar yang berkeyakinan mampu berucap, melakukan persembahan dengan baik walaupun mereka bukanlah pekerja tetap.

4. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang memberikan nilai skor yang tinggi maka dapatlah disimpulkan bahawa majoriti majikan berpuashati dengan prestasi pelajar yang menjalani latihan industri di firma mereka. Nilai skor yang tinggi bagi keempat-empat item ini menunjukkan pelajar berkeupayaan untuk menyatakan idea dengan yakin, berkeupayaan untuk menjawab soalan yang diajukan, berkeupayaan untuk menghasilkan laporan mengikut standard yang ditentukan dan berkeupayaan untuk menyesuaikan persembahan di hadapan khalayak yang berbeza.

5. Cadangan

Bagi memantapkan lagi dapatan untuk mengukur tahap keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran komunikasi secara berkesan dalam persekitaran kerja global, dicadangkan untuk menambah item-item lain yang boleh mengukur kemahiran komunikasi pelajar. Penambahan item-item ini mampu memberi gambaran yang lebih jelas tentang keupayaan kemahiran komunikasi secara berkesan pelajar dalam persekitaran kerja global menurut perspektif majikan.

Rujukan

- Abdullah, A. G., & Abd Aziz, A. R. (2009). *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih (Practical Programme as a Medium to Strengthen Soft-Skills Among Trainee Teachers). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(02), 17-27.
- Beck, C., & Kosnik, C. (2002). Components of a good practicum placement: Student teacher perceptions. *Teacher Education Quarterly*, 29(2), 81-97.
- Dazali, N. S. M., & Awang, M. I. (2016). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan IPTA di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 44-56.
- Dzia-Uddin, D. N. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, Kuim (Kohort 35 & 36): Tinjauan Dari Perspektif Majikan. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 45-52.
- Gardner, H. (1999). *The discipline mind: What all students should understand*. New York: Simon & Schuster.
- Gonzales, N. A. P. (2020). 21st Century Skills in Higher Education: Teaching and Learning at Ifugao State University, Philippines. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 10(2), 72-81. <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol10.2.8.2020>.
- Husain, M. Y., Rasul, M. S., Mustapha, R., Malik, S. A., & Abd Rauf, R. A. (2013). Tahap kemahiran employability pelajar kejuruteraan dari perspektif majikan. *Sains Humanika*, 62(1).
- Ismail, M. H. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII. Ipoh, Perak: Universiti Kebangsaan Malaysia. ms*, 906-913.

- Osman, M. (2008). *Komunikasi Berkesan Hubungan Intrapersonal*. Cetakan Pertama. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN):Kuala Lumpur.
- Othman, N. (2017). Daya Tahan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta (Student Resilience of Public and Private University Students). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(1), 69-78.
- Li, L. P., Ee, G. T., & Muhamad, A. S. bin. (2011). Testing and Assessment for Career Guidance and Counseling in School Setting. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 1, 105-115.
- Mangkau, I. D. (2012). Penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Martin, M. (2019). The implementation of school-based management in public elementary schools. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 9(1), 44-56. <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol9.no1.5.2019>.
- Ngadiman, S. H., & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik (The Relationship Between Teamwork Skills and Communication Skills Among Polytechnic's Final Semester Students). *Ngadiman, SH & Jamaludin, MF (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. International Journal of Education, Psychology and Counseling, (3) (19), 01-18.*
- Rogers E. M. (1969). *Diffusion of Inovation*. New York:The Fre Press.
- Yusof, M. M., & Mohiddin, N. H. (2018). Refleksi Pelajar Terhadap Keberkesanan Kursusu Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Vol. 2, No. 2 (2018), 46-54.*